

# Pengambilan IPTA 2009: Minta nasihat dan buat pilihan tepat

## Maklumat Permohonan Ke IPTA 2009

Iklan Permohonan di akhbar	1 Februari 2009 dan 1 Mac 2009
Laman Web	<a href="http://upu.mohe.gov.my">http://upu.mohe.gov.my</a>
Keperluan	i. No ID ii. Nombor Kad Pengenalan /My Kad iii. Kata Laluan
Tarikh Mula	3 Februari 2009 jam 12.00 tengah hari
Tarikh Tutup	10 hari bekerja selepas keputusan peperiksaan SPM, STPM dan STAM tahun 2008 diumumkan

PERMOHONAN kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi Program Pengajian Lepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Setaraf Sesi Akademik 2009/2010 kini bermula.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), **Prof. Dato' Ir Dr. Radin Umar Radin Sohadi** berkata, iklan permohonan telah disiarkan dalam akhbar-akhbar perdana pada 1 Februari (Ahad) lalu dan akan disiarkan sekali lagi pada 1 Mac (Ahad) ini manakala permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian juga telah dibuka mulai 3 Februari lalu.

Tarikh tutup permohonan ialah 10 hari bekerja selepas keputusan peperiksaan SPM, STPM dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2008 diumumkan.

Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), JPT telah membangunkan Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA iaitu <http://upu.mohe.gov.my>.

Laman web ini mengandungi e-panduan (syarat am dan syarat khas program, panduan permohonan), e-borang (Lepasan SPM, STPM, STAM, Diploma), semakan status

(permohonan, keputusan, panggilan temu duga, panggilan ujian serta pelbagai infomasi).

Pemohon-pemohon yang menggunakan Aplikasi Dalam Talian perlu mengemukakan permohonan dengan menggunakan:

- i. Nombor Unik ID
- ii. Nombor Kad Pengenalan / My Kad
- iii. Kata Laluan

Pemohon boleh membeli Nombor Unik ID di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) atau di semua Mesin Teller Auto (ATM) yang berfungsi selama 22 jam sehari di seluruh negara serta Perbankan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS Banking) bagi pemegang akaun BSN sehari selepas iklan pelawaan disiarkan sehingga tarikh tutup permohonan.

Para pemohon disarankan agar

mengemukakan permohonan awal melalui Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA.

Bagi pemohon Lepasan SPM 2008 adalah wajib mengemukakan permohonan FASA 2 (Pengesahan Permohonan) dengan membuat pilihan program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA berkaitan.

Begitu juga bagi pemohon lepasan STPM boleh mengemukakan permohonan dan membuat pilihan program pengajian.

Semua pemohon dibenarkan mengemukakan satu (1) kali permohonan dan tiga (3) kali pengemaskinian sehingga tarikh tutup permohonan.

Pemohon yang telah mengemukakan permohonan awal hanya perlu membuat pengemaskinian pilihan program pengajian sahaja apabila keputusan rasmi peperiksaan awam SPM, STPM dan STAM Tahun 2008 diumumkan pada minggu kedua Mac 2009 nanti.

Para pemohon dinasihatkan supaya mencetak dan menyimpan borang permohonan sebagai bukti telah mengemukakan permohonan.

Bagaimanapun para pemohon

RADIN UMAR RADIN SOHADI

Hanya tinggal 5 hari 10:23:59 sahaja untuk kemukakan permohonan Kategori B/C/D

| LAMAN UTAMA |



Permohonan Kemasukan Ke IPTA  
Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf  
Sesi Akademik 2009/2010  
FASA 2

NO. KAD PENGENALAN/ MyKAD :  \* (Cth : 901258905134)

NO. KAD PENGENALAN/ MyKAD SEMASA PENDAFTARAN PEPERIKSAAN :  \*

NO. UNIK ID :  \* [Contoh Slip BSN](#)

KATA LALUAN :  \* (6 - 8 Alphanumeric sahaja. Cth : abc123/ 123abc/ a123b)

PENGESAHAN KATA LALUAN :  \*

NAMA IBU :  \*

KATEGORI PERMOHONAN : -- Sila Pilih Kategori -- [Info Kategori](#)

MASUKKAN KOD IMEJ :  \*

Sila Tekan Butang Refresh/Reload sekiranya tidak dapat membaca imej

Tarikh Permohonan Kemasukan Ke IPTA

**Kategori A**  
03 Februari 2009 - 10 hari selepas keputusan SPM 2008 diumumkan

**Kategori B/C/D**  
03 Februari 2009 - 03 Mac 2009

PERHATIAN :

**Laman Web Rasmi Kemasukan Ke IPTA**

PERMOHONAN APLIKASI DALAM TALIAN KEMASUKAN KE IPTA :

- Lepasan SPM/Setaraf
- Lepasan STPM/Setaraf
- Lepasan Matrikulasi/Asasi
- Diploma Pendidikan Ambilan Julai 2009

Syarat Kemasukan, Tarikh Permohonan, Panduan Permohonan, Alamat IPTA, FAQ, Hubungi Kami

[Masuk](#)

Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar  
Jabatan Pengajian Tinggi

ANTARA muka laman web rasmi permohonan kemasukan ke IPTA 2009.

yang ingin mengemukakan permohonan ke Universiti APEX iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) perlu mengemukakan terus permohonan melalui laman web rasmi USM di [www.usm.edu.my](http://www.usm.edu.my).

Semua pengurusan permohonan, pemrosesan, pemilihan, penawaran, behaban dan rayuan bagi USM dikendalikan sendiri oleh universiti itu.

Penyelarasan pemilihan antara IPTA dan USM akan dilaksanakan melalui senarai pemohon yang membuat pengesahan penerimaan tawaran yang ditawarkan oleh USM.

Pemohon yang telah mengesahkan penerimaan tawaran ke USM sahaja akan digugurkan dari pangkalan data BPKP JPT untuk mengelakkan tawaran bertindih.

Hanya pemohon yang mengemukakan permohonan melalui BPKP JPT dan gagal mendapat tawaran ke

USM atau menolak tawaran dari USM sahaja akan diproses serta dipertimbangkan dalam pemilihan kemasukan ke 19 IPTA yang diselaraskan oleh BPKP JPT.

Sehingga pukul 9.00 pagi 24 Februari lalu jumlah permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas SPM/setaraf dan STPM/Setaraf ialah:

- Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf: 71,173 permohonan
- Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf: 68,034 permohonan (termasuk Lepas STPM, Matrikulasi, Asasi, Diploma Setaraf dan STAM)

Pemohon, ibu bapa dan guru juga

boleh mengunjungi Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) untuk mendapatkan maklumat terkini dan tepat mengenai peluang pendidikan tinggi.

Bagi pemohon yang memerlukan bimbingan dan kaunseling mengenai strategi membuat pilihan program pengajian yang tepat dan bijak serta laluan kemasukan ke institusi pendidikan tinggi (IPT) boleh mengunjungi gerai pameran pendidikan yang disediakan.

KPT juga menyediakan kiosk Aplikasi Dalam Talian untuk membantu para pemohon bagi mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA.

Justeru calon dinasihatkan agar membuat pilihan program pengajian yang tepat mengikut kelayakan akademik, cita-cita, minat serta pilihan IPTA yang dikehendaki.

**Statistik Permohonan**  
(sehingga 24 Februari 2009)

**71,173**

Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf

**68,034**

Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf